

SULIT

NO KAD PENGENALAN :
ANGKA GILIRAN :



**PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK
SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2017**

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

SEJARAH

1249/2

Kertas 2

Ogos 2017

2 ½ Jam

Dua jam tiga puluh minit

SEJARAH

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

Arahan:

1. Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada ruangan yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi **dua** bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B.**
3. Jawab semua soalan di **Bahagian A** dan **tiga** soalan daripada **Bahagian B.**
4. Jawapan bagi **Bahagian A** hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan.
5. Jawapan bagi **Bahagian B** hendaklah ditulis dalam Buku jawapan yang dibekalkan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada Pengawas Peperiksaan.
6. Ceraikan **Bahagian B** daripada kertas soalan ini. Ikat kertas jawapan bersama-sama kertas soalan ini dan serahkan kepada Pengawas Peperiksaan pada akhir peperiksaan.
7. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
	10	20	
	11	20	
Jumlah		100	

Kertas soalan ini mengandungi **10** halaman bercetak.

Bahagian A

[40 markah]

Jawab **semua** soalan.

1 Prinsip undang-undang Rom telah menjadi asas kepada undang-undang pada hari ini.

(a) Nyatakan dua cabang undang-undang Rom?

.....
.....
.....

[2 markah]

(b) Jelaskan prinsip undang-undang dalam Tamadun Rom?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Mengapakah undang-undang penting dalam kehidupan masyarakat hari ini?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

2 Kedatangan Islam ke Tanah Melayu telah mempengaruhi sistem ekonomi masyarakat sebelum kedatangan barat.

(a) Nyatakan ciri-ciri sistem mata wang pada masa tersebut?

.....
.....
.....

[2 markah]

(b) Bagaimanakah pengaruh Islam berjaya memajukan ekonomi Kesultanan Melayu Melaka?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Islam mengharamkan amalan riba dalam kegiatan perniagaan. Mengapakah Islam tidak membenarkan amalan tersebut?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

3 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem pentadbiran Negeri Sembilan.

Negeri Sembilan mengamalkan sistem pemerintahan berasaskan Adat Papatih iaitu kedaulatan berada ditangan rakyat.

Sumber : www.scribd.com/document/346534574/Peranan-undang-dalam-sistem-pentadbiran-Negeri-Sembilan.

(a) Senaraikan **dua** buah negeri yang terdapat di Negeri Sembilan?

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Jelaskan proses pelantikan pemimpin di Negeri Sembilan?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Sejauhmanakah sistem demokrasi dalam pentadbiran di Negeri Sembilan dapat mewujudkan masyarakat yang harmoni?

Beri penjelasan anda.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

4 Maklumat berikut berkaitan dengan penubuhan Malaysia.

Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman Putra dalam satu ucapan beliau di Persidangan Persatuan Wartawan Luar Negeri Asia Tenggara yang diadakan di Hotel Adelphi, Singapura pada 27 Mei 1961 telah mengasaskan tentang perlunya diwujudkan satu rancangan untuk pembentukan Malaysia yang menggabungkan Persekutuan Tanah Melayu, Borneo Utara, Brunei dan Sarawak.

Sumber www.arkib.gov.my/web/guest/penubuhan Malaysia 16 September 1963

(a) Mengapakah Tunku Abdul Rahman ingin mencadangkan pembentukan Malaysia?

.....

.....

.....

[2 markah]

(b) Bagaimanakah reaksi masyarakat dalam negeri yang terlibat dalam pembentukan Malaysia?

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Mengapakah Persekutuan Malaysia perlu dikekalkan?
Beri ulasan anda.

.....

.....

.....

.....

.....

.....

.....


[4 markah]

Bahagian B

[60 markah]

Jawab **tiga** soalan sahaja daripada bahagian ini.

5. Kawasan berlorek dalam peta 1 adalah tamadun yang muncul daripada kesuburan tanah yang terdapat di Sungai Hwang Ho atau Sungai Kuning.



Peta 1

- (a) Jelaskan latar belakang pembentukan tamadun Hwang Ho.

[4 markah]

- (b) Terangkan ciri tamadun Hwang Ho.

[8 markah]

- (c) Maklumat berikut adalah sumbangan tamadun Hwang Ho.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> • Aspek ekonomi • Aspek kepercayaan |
|--|

Sejauh manakah sumbangan tersebut mempengaruhi perkembangan tamadun Hwang Ho?

[8 markah]

6. Pada tahun 628 M bersamaan 6 H, Perjanjian Hudaibiyah telah dimeterai antara pihak Islam dengan orang Arab Quraisy di Makkah.
- (a) Apakah peristiwa yang membawa kepada Perjanjian Hudaibiyah? [4 markah]
- (b) Terangkan kepentingan Perjanjian Hudaibiyah. [8 markah]
- (c) Perjanjian Hudaibiyah telah memudahkan penyebaran Islam secara meluas. Buktikan pernyataan tersebut. [8 markah]
7. Zaman Renaissance bermula di Itali pada abad ke-14 dan kemudiannya berkembang ke Eropah Barat sehingga kira-kira abad ke-17.
- (a) Jelaskan maksud Renaissance. [4 markah]
- (b) Mengapakah zaman Renaissance bermula di Itali? [8 markah]
- (c) Sejauh manakah zaman Renaissance memberi kesan ke atas masyarakat Eropah? [8 markah]

8. Gerakan nasionalisme telah berakar umbi di negara kita apabila masyarakat setempat menentang segala perubahan yang dilakukan oleh penjajah asing.
- (a) Mengapakah penentangan tersebut berlaku? [4 markah]
- (b) Jelaskan faktor pemangkin gerakan nasionalisme di negara kita? [8 markah]
- (c) Gerakan nasionalisme yang dilakukan oleh rakyat tempatan telah menemui kegagalan. Setujukah anda dengan pernyataan tersebut? Beri alasan anda. [8 markah]
9. Gambar 1 di bawah menunjukkan ahli-ahli Suruhanjaya Reid yang telah dibentuk pada bulan Mac 1956.



Sumber : www.arkib.gov.my

Gambar 1

- (a) Jelaskan isu yang menjadi panduan Suruhanjaya Reid? [4 markah]
- (b) Terangkan kandungan Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957? [8 markah]
- (c) Sejauh manakah pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1957 telah berjaya mengukuhkan perpaduan rakyat pelbagai kaum? [8 markah]

10. Gambar 2 di bawah menunjukkan Yang di-Pertuan Agong ke-XV yang merupakan salah satu ciri penting dan unik dalam pemerintahan negara Malaysia.



Sumber: https://ms.wikipedia.org/wiki/Sultan_Muhammad_V,_Kelantan

Gambar 2

- (a) Jelaskan maksud raja berperlembagaan. [4 markah]
- (b) Terangkan bidang kuasa Yang di-Pertuan Agong Malaysia. [8 markah]
- (c) Yang di-Pertuan Agong berperanan penting dalam mengekalkan kestabilan dan keamanan negara.
Beri penjelasan anda. [8 markah]
- 11 (a) Jelaskan latar belakang Pertubuhan Persidangan Islam (OIC). [4 markah]
- (b) Terangkan peranan OIC kepada negara dan umat Islam. [8 markah]
- (c) Bagaimanakah OIC boleh meningkatkan imej umat Islam di seluruh dunia? [8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT